

GAMBAR:MOHD NASIR ROLI  
TULISAN:ANIS MASTURA REMLI



## Peranan wanita dalam ekonomi tambah penting

MERAIKAN ulang tahunnya yang ke-48, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIIM) mengadakan Majlis Minum Petang dan ceramah bertajuk Peranan Wanita Dalam Ekonomi, yang disampaikan oleh Ketua Pengarang Berita Publishing Sdn. Bhd, Datuk A Kadir Jasim.

Majlis yang diadakan di Kelab Golf Perkhidmatan Awam itu diserikan dengan kehadiran isteri Timbalan Perdana Menteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, Yang Dipertua LKPIIM, Tuanku Ampuan Najihah Tunku Besar Burhanuddin, Naib Yang Dipertua 1 LKPIIM, Tunku Shahariah Tuanku Abdul Rahman, Naib Yang Dipertua 2 LKPIIM, Dato' Seri Tunku Puteri Intan Syaifinaz Abdul Halim Muadzam Shah dan Setiausaha Agung Kehormat LKPIIM, Datuk Seri Lily Majeed. A Kadir memulakannya dengan membuat beberapa kesimpulan:

1. Peranan wanita dalam ekonomi tidak dapat dinafikan malah akan menjadi semakin luas dan mantap.
2. Wanita kini dianggarkan menyumbang 45 peratus kepada tenaga buruh dunia, namun tahap kemiskinan wanita dianggarkan 70 peratus.
3. Perbezaan jantina dalam bidang ekonomi antara lelaki dan perempuan

semakin kabur dengan kemungkinan wanita memainkan peranan yang sama penting atau lebih penting berbanding lelaki.

4. Peningkatan martabat (*empowerment*) wanita dalam bidang ekonomi mempunyai kesan sosial yang besar, yang tidak semuanya positif.
5. Tanggungjawab bersama antara pasangan suami isteri dalam menjaga kebajikan keluarga secara menyeluruh menjadi longgar, luntur dan dalam keadaan tertentu hancur apabila pasangan ini bekerja di luar rumah.
6. Peningkatan kuasa ekonomi wanita disertai peningkatan hak, sama ada yang tersurat atau tersirat, mempengaruhi perhubungan suami isteri. Perpisahan dan perceraian menjadi semakin berleluasa dan berlaku tragedi rumahtangga yang amat menyayat hati.

7. Keruntuhan nilai kekeluargaan dan justeru itu, keruntuhan moral dan nilai-nilai murni, berlaku secara amat membimbangkan apabila tanggungjawab bersama ini diabaikan.

Beliau menyambung dengan membuat beberapa kenyataan dasar iaitu:

1. Peranan wanita tidak pernah tidak penting dalam ekonomi, bermula dengan ekonomi purba kepada ekonomi moden, daripada ekonomi rumahtangga kepada ekonomi produktif.
2. Wanita sebagai penjana ekonomi dan kekayaan dalam ekonomi formal.
3. Wanita sebagai pengguna dan penentu pembahagian sumber ekonomi yang terhad.
4. Kesan kemasukan lebih ramai penuntut perempuan berbanding lelaki ke institusi pengajian tinggi.
5. Menangani masalah kurang sensitif masyarakat mengenai sumbangan wanita dalam ekonomi.

Adakah kita pernah terfikir nilai ekonomi susu ibu yang diberikan kepada anak-anak? Mungkin tidak, kerana kita menganggap menyusukan anak sebagai tugas semula jadi ibu. Benar, tetapi hari ini tidak semua ibu menyusukan anak. Susu ibu digantikan dengan susu formula bayi yang cukup mahal harganya. Walaupun penjualan susu formula bayi semakin menurun, nilainya kini dianggarkan enam bilion dolar Amerika atau RM21.6 bilion. Kajian sebuah badan bukan kerajaan dari Kanada bertajuk Women and The Economy menilai harga setahun susu ibu di Uganda,



Afrika dengan penduduk 32 juta, bersamaan RM780 juta. Jika inilah nilai gantian susu ibu, bayangkan nilai susu ibu yang menyusukan sendiri bayi mereka di seluruh dunia.

Bagaimana kita dapat mengaitkan ekonomi dalam erti kata yang luas dan menyeluruh dengan wanita? Apabila kita menyebut ekonomi, kita didedahkan kepada kenyataan seperti berikut:

1. Barangan dan perkhidmatan yang kita bekalkan untuk diri dan keluarga.
2. Cara kita menggunakan masa dan bagaimana sumbangan kita dengan waktu yang ada pada kita itu dinilai.
3. Pengurusan bumi, alam sekitar dan manusia yang baik.
4. Sesuatu yang berkaitan wang dan tukaran mata wang.
5. Satu sistem bagi mengawal bagaimana sumber yang terhad dikongsi.

Meskipun demikian, adakah kita tahu bahawa pengertian asal ekonomi tiada kaitan dengan hujah di atas? Pengertian ini juga tiada kaitan dengan wang berjuta-juta, barang emas hingga ke siku, permata dan tiara atau menara tinggi mencecah angkasa. Sebenarnya, definisi ekonomi amat mudah. Ekonomi adalah daripada perkataan Greek "Oikonomia" yang bererti "pengurusan rumahtangga" dan dari zaman purba lagi wanita memegang tanggungjawab penting dalam kegiatan ekonomi.

Pengalihan ahli kaji purba di Shahr-e Sookhteh atau kota terbakar di Wilayah Sistan-Baluchistan di Iran menghasilkan penemuan berikut:

1. Wanita pada abad ke-4 dan ke-3 Sebelum Masihi mempunyai status ekonomi yang amat tinggi, walaupun dalam keadaan lelaki berkuasa mutlak.



2. Daripada cop-cop mohor yang ditemui di dalam kubur di situ, 90 peratus adalah milik wanita yang mewakili 60 peratus penduduk.

Di Mesir purba, walaupun majoriti kontrak dan dokumen perniagaan atas nama lelaki, ada pelbagai dokumen undang-undang dengan nama wanita yang membuktikan bahawa hak mereka bukan sekadar teori. Wanita juga dibenarkan memiliki harta, berkah berjual beli, menyaman dan disaman serta boleh membuat wasiat dan mewarisi harta. Dalam masyarakat purba Greek pula, wanita boleh berniaga, tetapi nilainya dihadkan agar tidak melebihi jumlah wang yang cukup untuk memberi makan bagi isi rumah selama lima atau enam hari.

Bagaimanapun, wanita Greek tidak berniaga besar dan mereka juga paling kurang disyitiharkan mufils atau terhutang kepada 'along'.

Bagaimana pula keadaan di negara kita? Malaysia antara negara pasca-kolonialisme yang memaparkan kemajuan dan penyertaan wanita dalam ekonomi paling ketara seperti dimanifestasikan melalui perangkaan berikut:

1. Pada 2005, didaftarkan 45.7 peratus wanita dalam lingkungan umur bekerja berada dalam pasaran buruh. Peratusan ini dijangka meningkat kepada 46.3 peratus pada tahun depan.
2. Tidak mustahil menjelang 2020, peratusan ini meningkat kepada 50 peratus atau lebih.
3. Wanita sudah mengatasi lelaki dalam pengambilan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Pada 2005, 55.4 peratus daripada 731,000 penuntut IPT adalah wanita.
4. Wanita kini mengepalai banyak institusi penting dalam sektor awam dan swasta seperti Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, Unit Perancang Ekonomi, IPTA, bank swasta, badan korporat dan badan bukan kerajaan.
5. Namun, nisbah perwakilan wanita dalam Cawangan Legislatif dan Eksekutif masih rendah jika dibandingkan dengan negara maju dan disetengah negara setaraf.



6. Dengan bilangan wanita kini mengatasi lelaki di IPT dan pencapaian mereka juga lebih cemerlang daripada lelaki, tidak dapat tidak kesan ekonomi dan sosial menjadi semakin luas serta ketara.

7. Pastinya inilah antara cabaran yang perlu difahami dan ditangani agar kesan positif boleh dinikmati bersama manakala kesan negatifnya dikawal dan dihadkan.

Bagi menguatkan semula semangat dan sebagai bukti penyertaan wanita dalam perjuangan bangsa serta negara bukannya sesuatu yang baru atau asing, A Kadir mengakhiri pembentangan ceramahnya dengan memetik tulisan seorang pelajar perubatan Melayu Universiti Malaya, Singapura pada 20 Julai 1947 iaitu Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad yang berbunyi:

*"With fervent nationalism and sympathetic understanding, schoolgirls and matrons, wives and young girls goaded their manfolk into a bitter struggle for national existence. Together they mounted the platforms; together they preached and appealed for unity of aims and actions. (Dengan semangat kebangsaan berkoar-koar dan pemahaman penuh isian, pelajar perempuan dan ketua jururawat, isteri dan anak gadis memujuk serta membakar semangat perjuangan golongan lelaki untuk memerdekakan negara. Mereka bersamanya naik ke pentas merayu dan mendesak rakyat bersatu dalam matlamat dan tindakan.)"*

Women-General  
(M/S 148-149)

CTR NO: 000026853